

01 OCT 2002

Mahathir-Pertanian (Bergambar)

PELADANG, NELAYAN TAK SEPATUTNYA TERUS MISKIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada sebab peladang, penternak dan nelayan harus miskin kerana mereka mempunyai banyak peluang pada masa ini untuk meningkatkan pendapatan.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mewujudkan program Satu Kampung Satu Industri yang menekankan aspek industri pemprosesan makanan dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan negara serta pendapatan golongan berkenaan.

Program itu, yang sama dengan pendekatan Satu Kampung Satu Produk, memerlukan peladang, penternak dan nelayan belajar cara baru bagi mempertingkatkan pengeluaran mereka, katanya semasa melancarkan pameran MAHA 2002 bersama dengan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan dan Agritech Malaysia 2002, di Pusat Pameran dan Persidangan The Mines, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata walaupun dengan modal sedikit tetapi disertakan kesanggupan bekerja kuat, golongan berkenaan akan dapat meningkatkan pendapatan mereka.

"Dengan itu, masalah miskin golongan ini tidak akan berluang lagi," katanya.

Beliau berkata peladang, penternak dan nelayan perlu mempertingkatkan kecekapan dalam bidang yang mereka ceburi dengan menggunakan teknologi baru.

Ini dapat memastikan bekalan makanan negara mencukupi selaras dengan usaha menjadikan bidang pertanian sebagai penyumbang ketiga kepada pembangunan negara ke arah menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata golongan itu perlu berubah daripada hanya menjadi penternak, peladang dan nelayan biasa kepada pedagang dan usahawan.

"Mereka perlu menumpukan lebih perhatian kepada kebolehan menjadi pengurus dalam syarikat yang lebih besar," katanya.

Dr Mahathir berkata Bajet 2003 telah turut memberi tumpuan pada bidang pertanian dengan harapan bidang itu dapat dimodenkan dan diperbesarkan serta melibatkan golongan terlatih untuk turut bersama-sama membangunkan sektor itu.

Beliau berkata negara perlu mengeluarkan bahan makanan secara sendiri sebagai satu jaminan.

Katanya, memandangkan tanah dan tenaga pekerja yang terlibat dalam sektor itu semakin berkurangan berbanding masa dahulu, maka perlulah pengusaha bidang-bidang ini menggunakan cara baru terutama teknologi dan pengeluaran secara moden.

Beliau juga berkata, peladang yang mempunyai kawasan kecil harus berusaha untuk mencantumkan ladang-ladang mereka dengan ladang-ladang yang lain supaya pendapatan mereka meningkat.

Perdana Menteri juga menyarankan supaya penternak, peladang dan nelayan yang mempunyai banyak masa lapang meluangkan lapan jam sehari enam hari seminggu untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran.

"Dengan cara ini mereka bukan sahaja dapat menambah pendapatan tetapi juga menjadi manusia yang sihat," katanya.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan anugerah-anugerah peladang, penternak dan nelayan jaya.

Peladang:

+ Peladang Jaya Lelaki: Zamri Yaakob dari Pertubuhan Peladang Kawasan

Pulau Tawar, Pahang.

- + Peladang Jaya Wanita: Hajah Ragayah Dahan dari Petubuhan Peladang Kawasan Maran, Pahang.

- + Peladang Muda Jaya Wanita: Zainab Ibrahim dari Pertubuhan Peladang Kawasan Alor Gajah, Melaka.

- + Pertubuhan Peladang Jaya: Pertubuhan Peladang Kawasan Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang.

- + Unit Peladang Jaya: Pertubuhan Peladang Kampung Air Melintas, Pulau Pinang.

- + Projek Berkelompok Jaya: Projek berkelompok sayur Kampung Endah/Kanchong Darat, Selangor.

- + Kumpulan Wanita Jaya: Kumpulan Pengembangan Wanita Kampung Taman Sedia, Tanah Rata, Cameron Highlands.

Nelayan:

- + Nelayan Jaya: Che Ramli Abdul Rahman dari Kuala Besut, Terengganu.

- + Usahawan Ikan Jaya: Mat Hasan Yaacob dari Pasir Putih, Kelantan.

- + Persatuan Nelayan Jaya: Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Selatan, Terengganu.

Penternak:

- + Usahawan Penternak Jaya: Mat Ali Abdul Rahman dari Gua Musang, Kelantan.

-- BERNAMA

HK SOP AHH MAI